*Lampiran A*

# LAMPIRAN Q
## KERAJAAN MALAYSIA
## (ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
## NEGERI JOHOR

## SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

| TAJUK : | Bila Menjawab, Sila Nyatakan Nombor Ini | |
|---|---|---|
| | **BEKALAN BARANG-BARANG /PERKHIDMATAN** | |
| **SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PERUNDINGAN PENILAIAN AM SEMULA TAHUN 2021 BAGI PEGANGAN BERCUKAI DI KAWASAN MAJLIS DAERAH TANGKAK** | **No. Sebutharga :** | **MDT 3 – 21/01** |

Kepada :

| Pelawaan sebut harga dikeluarkan
| oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)

**MAJLIS DAERAH TANGKAK,**
Peti Surat 63
84907 Tangkak
Johor Darul Ta'zim.

No. Telefon : ……………………… |

| No. Telefon : 06-978 1261 / 2226

No. Pendaftaran dengan Kementerian
Kewangan : .............................................. Tarikh : ……………………………

|
Kod bidang pendaftaran yang relevan |
dengan pembelian ini ................................ |

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat-syarat serahan/penyempurnaan :

Tawaran adalah dibuka kepada Syarikat/Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang 340402 atau 340403** dalam bidang perkhidmatan yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai tawaran sebutharga ini.

**1.2** Arahan pengiriman :

Dokumen sebutharga yang lengkap dengan senarai semak dan dokumen wajib hendaklah dilakri dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang telah ditulis dengan **No. Sebutharga MDT 3 – 21/01.** Sampul surat mengandungi Dokumen Sebutharga hendaklah dihantar dengan tangan/pos dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga **MDT 3 – 21/01** yang terdapat di **Majlis Daerah Tangkak, Peti Surat 63, 84907 Tangkak, Johor Darul Ta'zim** tidak lewat daripada tarikh akhir serahan yang dinyatakan.

1.3 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan sebagaimana di alamat di atas **tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari** pada **22/08/2021**

1.4. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **sembilan puluh (90) hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh: .........................

Tandatangan : ....................................................

Nama Pegawai : ....................................................

Jawatan : ....................................................

*Lampiran A1*

**ARAHAN KEPADA PEMBIDA**

**MDT 3 – 21 / 01**

1. Perihal Sebutharga

1.1 Pelawaan sebutharga ini bertujuan untuk melantik pembida tempatan yang berkelayakan untuk melaksanakan SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PERUNDINGAN PENILAIAN AM SEMULA TAHUN 2020 BAGI PEGANGAN BERCUKAI DI KAWASAN MAJLIS DAERAH TANGKAK

1.2 Pembida hendaklah membaca segala penerangan, syarat-syarat dan maklumat lain yang dilampirkan dalam sebutharga ini.

2. Dokumen Sebutharga

2.1 Sebutharga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang selepas ini dipanggil Dokumen Sebutharga. Pembida hendaklah melengkapkan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam Dokumen Sebutharga yang lengkap mengandungi maklumat seperti dibawah : -

i. Kenyataan Tawaran Sebutharga
ii. Lampiran Q ( Lampiran A )
iii. Arahan Kepada Pembida ( Lampiran A1)
iv. Syarat-syarat Am Sebutharga ( Lampiran A2)
v. Borang Sebutharga ( Lampiran A3)
vi. Spesifikasi Teknikal Sebutharga ( Lampiran A4 )
vii. Jadual Harga Tawaran ( Lampiran A5 )
viii. Surat Akuan Pembida ( Lampiran A6)
ix. Keterangan Mengenai Pembida ( Lampiran B )
x. Senarai Perkhidmatan/Pembekalan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan ( Lampiran B1)

2.2 Pembida hendaklah mengisi borang di Lampiran B1 dengan menyatakan pengalaman di dalam bidang yang berkenaan.

2.3 Borang Sebutharga ( Lampiran A3 )

2.3.1 Pembida hendaklah mengisi dan menandatangani Borang Sebutharga seperti di Lampiran A3. Sekiranya Borang Sebutharga ini tidak diisi dan ditandatangani, tawaran sebutharga menjadi tidak sah dan tidak akan dipertimbangkan. Harga yang dicatatkan di dalam Borang Sebutharga di Lampiran A3 mestilah sama dengan harga di dalam Lampiran A5. Jika terdapat perbezaan harga di dalam Borang Sebutharga tersebut, tawaran sebutharga tidak akan dipertimbangkan.

2.4 Jadual Harga Tawaran ( Lampiran A5 )

2.4.1 Borang ini perlu ditandatangan dan dicop oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat sebagai pembida. Borang yang tidak ditandatangani dan bercop adalah tidak sah dan akan ditolak.

2.5 Surat Akuan Pembida ( Lampiran A6 )

2.5.1 Pembida adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani Surat Akuan Pembida seperti di Lampiran A6 sebelum menghantar dokumen sebutharga. Wakil syarikat pembida yang menandatangani surat tersebut hendaklah juga menandatangani surat tersebut hendaklah juga melampirkan surat perwakilan kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

3. Pembetulan dan Pindaan Kesilapan

Dokumen sebutharga hendaklah diisi secara bertaip atau tulisan tangan yang jelas. Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Borang Sebutharga hendaklah ditandatangan ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat pembida. Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentang dengan kesilapan yang dipinda. Pembetulan dan pindaan yang dibuat hendaklah jelas supaya mudah dibaca.

4. Penghantaran Dokumen Sebutharga

4.1 Pembida adalah dikehendaki untuk mengembalikan naskah asal Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa beserta dengan dokumen wajib seperti berikut : -

i. Lampiran Q (Lampiran A);
ii. Borang Sebutharga (Lampiran A3);
iii. Jadual Spesifikasi Teknikal Sebutharga (Lampiran A4);
iv. Jadual Harga Tawaran (Lampiran A5);
v. Surat Akuan Pembida (Lampiran A6);
vi. Surat Perwakilan Kuasa;
vii. Keterangan Mengenai Pembida (Lampiran B);
viii. Senarai Perkhidmatan/Pembekalan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan (Lampiran B1);
ix. Salinan Sijil Pendaftaran Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM );
x. Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia beserta Kod Bidang berkaitan yang masih sah;
xi. Penyata Kewangan/Akaun Bank Syarikat Yang Terkini;
xii. Profil Ringkas Pembida; dan
xiii. Kertas Cadangan Perkhidmatan bagi skop kerja sebutharga ini(Jika ada).

4.2 Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dihantar dengan tangan/pos, dilakri dan ditulis No. Sebutharga yang berkenaan dan dialamatkan kepada **Majlis Daerah Tangkak, Peti Surat 63, 84907 Tangkak, Johor Darul Ta’zim** pada atau sebelum **jam 12.00 tengahari 22/08/2021**

***LAMPIRAN A2***

# SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA

Pembida dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Am Sebutharga apabila menyertai sebutharga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebutharga yang dikemukakan oleh pembida ditolak.

## 1. KELAYAKAN MEMASUKI SEBUTHARGA

1.1 Tawaran adalah dibuka kepada pembida tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 210110 dan 210104.

1.2 Pelawaan ini adalah terikat kepada Arahan Kepada Pembida dan Syarat-syarat Am Sebutharga yang disertakan bersama-sama Dokumen Sebutharga.

1.3 Pembida hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat tersebut apabila menyertai sebutharga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat akan menyebabkan sebutharga tidak dipertimbangkan.

1.4 Sebutharga hendaklah dibuat atas borang-borang sebutharga asal. Sebutharga tidak boleh dibuat atas borang-borang salinan. Semua borang berhubung dengan sebutharga hendaklah ditandatangani oleh wakil syarikat yang diberi kuasa pembida. Mana-mana borang yang tidak bertandatangan dan tiada cop rasmi pembida akan ditolak.

## 2. DOKUMEN SEBUTHARGA

Pembida hendaklah membaca semua arahan dan syarat di dalam Dokumen Sebutharga serta menyemak kandungannya dengan teliti. Dokumen Sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan yang disediakan.

3. **HARGA TAWARAN**

3.1 Harga tawaran adalah termasuk semua kos yang dinyatakan oleh pembida di dalam Jadual Harga Tawaran (Lampiran A5). Harga yang ditawarkan adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebutharga ini ditutup.

3.2 Kerajaan Negeri berhak menyemak semula jumlah harga tawaran yang ditawarkan oleh pembida. Sekiranya terdapat perbezaan kepada jumlah harga yang ditawarkan dengan maklumat semakan semula oleh Kerajaan Negeri, jumlah harga tawaran yang disemak semula oleh Kerajaan Negeri akan digunapakai untuk tujuan sebutharga ini.

4. **SPESIFIKASI SEBUTHARGA**

4.1 Pembida adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi sebutharga supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletakkan harga tawaran.

4.2 Spesifikasi berkaitan Perkhidmatan SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PERUNDINGAN PENILAIAN AM SEMULA TAHUN 2021 BAGI PEGANGAN BERCUKAI DI KAWASAN MAJLIS DAERAH TANGKAK adalah seperti yang dinyatakan di Lampiran A4.

5. **TEMPOH SAH LAKU SEBUTHARGA**

Tempoh sah laku sebutharga ini adalah selama **90 hari** bermula daripada tarikh sebutharga ditutup. Pembida tidak boleh menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebutharga.

6. **SETUJU TERIMA SEBUTHARGA**

6.1 Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana sebutharga. Keputusan adalah muktamad dan Pihak Majlis tidak akan melayan

sebarang surat rayuan daripada pembida berhubung sebab-sebab sebutharga mereka tidak berjaya.

6.2 Pembida yang berjaya tidak boleh menolak tawaran sebutharga. Sekiranya pembida menolak tawaran sebutharga, maka nama pembida akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk tindakan menggantung pendaftaran.

## 7. PERUBAHAN SYARAT-SYARAT

7.1 Pihak Majlis boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan ke atas spesifikasi bagi perkhidmatan ini secara bertulis.

7.2 Perubahan yang dikehendaki oleh Pihak Majlis mestilah dilaksanakan oleh pembida dan tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pihak Majlis atau yang disahkan kemudian oleh Pihak Majlis boleh membatalkan sebutharga ini.

7.3 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan dasar ke atas spesifikasi sebutharga, maka dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis.

## 8. PENAMATAN PERSETUJUAN

Pihak Majlis berhak membatalkan tawaran sebutharga sekiranya pembida berada dalam keadaan berikut :

i. Melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat di dalam Dokumen Sebutharga;

ii. Tidak mematuhi arahan dan syarat-syarat Pihak Majlis tanpa apa-apa alasan yang munasabah.

9. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Yang Dipertua terlebih dahulu.

10. **TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. **KERTAS CADANGAN PERKHIDMATAN**

Pembida dikehendaki untuk menyediakan Kertas Cadangan Perkhidmatan bagi skop perkhidmatan yang berkaitan.

12. **CURRICULUM VITAE (CV) PASUKAN PROJEK (SEKIRANYA ADA)**

Pembida dikehendaki untuk menyediakan CV pasukan projek yang terlibat dalam sebutharga ini (sertakan CV ahli pasukan projek yang terlibat dan jawatan dalam pasukan projek).

13. **TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK DAN TEMPOH JAMINAN**

Tempoh pelaksanaan projek adalah tidak melebihi 2 bulan. Tempoh jaminan adalah setahun (12 bulan) selepas pentauliahan.

*Lampiran A3*

# BORANG SEBUTHARGA

Yang Dipertua
Majlis Daerah Tangkak
Peti Surat 63
84907 Tangkak
Johor Darul Ta'zim.

Tuan,

**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PERUNDINGAN PENILAIAN AM SEMULA TAHUN 2021 BAGI PEGANGAN BERCUKAI DI KAWASAN MAJLIS DAERAH TANGKAK**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa saya/kami ___________________________________ (nama syarikat) mengambil bahagian dalam sebutharga seperti di atas. Harga yang ditawarkan oleh pihak saya/kami adalah seperti berikut :

Harga Tawaran : RM ____________________________

2. Saya/kami dengan ini bersetuju menerima dan mematuhi serta terikat dengan syarat-syarat sebutharga dan spesifikasi sebutharga yang terkandung dalam Dokumen Sebutharga. Saya/kami juga telah memahami bahawa Pihak Majlis berhak menerima atau menolak sebutharga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.

3. Saya/kami bersetuju bahawa harga sebutharga yang ditawarkan ini sah selama **90 hari** daripada tarikh tutup sebutharga. Dalam tempoh tersebut saya/kami tidak boleh menarik diri daripada sebutharga ini dan meminda harga.

4. Saya/kami yang bertandatangan di bawah ini, setelah menyemak, adalah dengan ini mengesahkan bahawa Dokumen Sebutharga yang digunakan untuk sebutharga ini adalah yang sebenarnya dibeli oleh syarikat ini.

Sekian.

____________________________________________________

(Tandatangan pembida yang diberi kuasa)

Nama : ___________________________________________

No. K/P : ___________________________________________

Jawatan : ___________________________________________

Alamat : ___________________________________________

___________________________________________

___________________________________________

Cop Syarikat :

Saksi

Nama : ___________________________________________

No. K/P : ___________________________________________

Jawatan : ___________________________________________

Alamat : ___________________________________________

___________________________________________

___________________________________________

Tandatangan Saksi,

___________________________________________

***LAMPIRAN A4***

## JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL SEBUTHARGA

KERJA-KERJA MENYEDIAKAN LAPORAN DAN NILAIAN UNTUK TUJUAN KADARAN MAJLIS DAERAH TANGKAK ADALAH SEBAGAIMANA JADULA DIBAWAH:

| BIL | KAWASAN | ANGGARAN PEGANGAN | JUMLAH ANGGARN | KOS SEUNIT (RM) | JUMLAH KOS (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| KAWASAN BEKOH | | | | | |
| 1 | TAMAN PEMANIS | 65 | 65 | | |
| KAWASAN BUKIT GAMBIR | | | | | |
| 2 | BANDAR BARU BUKIT GAMBIR | 502 | 678 | | |
| 3 | PUSAT KOMERSIAL GAMBIR | 28 | | | |
| 4 | TAMAN DESA (II) | 10 | | | |
| 5 | TAMAN DESA JARUM JAYA | 8 | | | |
| 6 | TAMAN MELOR | 93 | | | |
| 7 | TAMAN MELOR UTAMA | 11 | | | |
| 8 | TAMAN PERINDUSTRIAN BUKIT GAMBIR | 16 | | | |
| 9 | TAMAN SRI JAYA | 10 | | | |
| KAWASAN BUKIT KANGKAR | | | | | |
| 10 | TAMAN BUKIT KANGKAR | 102 | 986 | | |
| 11 | TAMAN CEMPAKA WANGI | 17 | | | |
| 12 | TAMAN KANGKAR BARU | 276 | | | |
| 13 | TAMAN KANGKAR BARU 2 | 52 | | | |
| 14 | TAMAN KANGKAR JAYA | 272 | | | |
| 15 | TAMAN KENANGAN | 45 | | | |
| 16 | TAMAN KENANGAN 2 | 30 | | | |
| 17 | TAMAN SENTOSA | 80 | | | |
| 18 | TAMAN SENTOSA 2 | 46 | | | |
| 19 | TAMAN SRI EMAS 6 | 66 | | | |
| KAWASAN GRISEK | | | | | |
| 20 | TAMAN SERI GRISEK | 59 | 222 | | |
| 21 | TAMAN SURIA INDAH | 32 | | | |
| 22 | TAMAN UTAMA GRISEK | 48 | | | |
| 23 | TAMAN WIJAYA | 83 | | | |
| KAWASAN KESANG | | | | | |
| 24 | KAMPUNG KENANGAN TUN SYED NASIR | 538 | 3,409 | | |
| 25 | KONDOMINIUM MUTIARA MAHARANI | 121 | | | |
| 26 | TAMAN BERKAT | 53 | | | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 27 | TAMAN DUSUN PERMAI | 50 | | | |
| 28 | TAMAN GADING BARU | 88 | | | |
| 29 | TAMAN GADING JAYA | 51 | | | |
| 30 | TAMAN GARUDA | 117 | | | |
| 31 | TAMAN HARMONI | 44 | | | |
| 32 | TAMAN KARANG INDAH | 14 | | | |
| 33 | TAMAN KESANG BARU | 110 | | | |
| 34 | TAMAN KESANG INDAH | 49 | | | |
| 35 | TAMAN KESANG JAYA | 50 | | | |
| 36 | TAMAN MULIA | 199 | | | |
| 37 | TAMAN PON | 39 | | | |
| 38 | TAMAN SRI GADING | 47 | | | |
| 39 | TAMAN SRI KESANG | 175 | | | |
| 40 | TAMAN SRI SAUJANA | 199 | | | |
| 41 | TAMAN SRI TANJONG | 37 | | | |
| 42 | TAMAN SRI TANJONG INDAH | 71 | | | |
| 43 | TAMAN TANJONG GADING | 396 | | | |
| 44 | TAMAN TANJONG HARMONI | 11 | | | |
| 45 | TAMAN WAWASAN | 48 | | | |
| 46 | WISMA KCC | 112 | | | |
| 47 | TAMAN KESANG MAWAR | 83 | | | |
| 48 | TAMAN SRI SAUJANA | 230 | | | |
| 49 | TAMAN SAMUDERA | 44 | | | |
| 50 | TAMAN SAMUDERA JAYA | 7 | | | |
| 51 | TAMAN GADING INDAH | 13 | | | |
| 52 | TAMAN PERMAI | 17 | | | |
| 53 | TAMAN SAUJANA PUTRA | 51 | | | |
| 54 | TAMAN KESANG IDAMAN | 73 | | | |
| 55 | TAMAN RAJAWALI | 13 | | | |
| 56 | MAHARANI RIVEERA | 102 | | | |
| 57 | TAMAN KESANG PERMAI | 12 | | | |
| 58 | TAMAN EMAS KESANG | 21 | | | |
| 59 | TAMAN KESANG JAYA 2 | 12 | | | |
| 60 | TAMAN KESANG BARU 2 | 16 | | | |
| 61 | TAMAN SAMUDERA INDAH | 29 | | | |
| 62 | TAMAN ARA | 10 | | | |
| 63 | TAMAN RANHILL BARU | 6 | | | |
| 64 | TAMAN RANHILL | 51 | | | |
| KAWASAN KUNDANG ULU | | | | | |
| 65 | TAMAN BAKRI | 129 | 175 | | |
| 66 | TAMAN KUNDANG JAYA | 46 | | | |
| KAWASAN SAGIL | | | | | |
| 67 | TAMAN KURNIA SAGIL | 5 | 1,159 | | |
| 68 | TAMAN LEDANG | 134 | | | |
| 69 | TAMAN LEDANG 2 | 10 | | | |
| 70 | TAMAN PUTRA SAGIL | 652 | | | |
| 71 | TAMAN SAGIL JAYA | 80 | | | |
| 72 | TAMAN SERI JAYA 2 | 75 | | | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 73 | TAMAN SRI VIJAYA & TAMAN SRI JAYA | 47 | | | |
| 74 | TAMAN WARISAN | 156 | | | |
| KAWASAN SG MATI | | | | | |
| 75 | TAMAN AMAN | 48 | | | |
| 76 | TAMAN BAIDURI | 57 | | | |
| 77 | TAMAN BESTARI | 24 | | | |
| 78 | TAMAN BUDI | 21 | | | |
| 79 | TAMAN CEMERLANG | 15 | | | |
| 80 | TAMAN CEMERLANG 2 | 44 | | | |
| 81 | TAMAN CERAH INDAH | 42 | | | |
| 82 | TAMAN JASA | 20 | | | |
| 83 | TAMAN MAWAR | 18 | | | |
| 84 | TAMAN MUHIBBAH | 221 | | | |
| 85 | TAMAN MUHIBBAH II | 22 | | | |
| 86 | TAMAN MURNI | 26 | | | |
| 87 | TAMAN PERMAI | 31 | | | |
| 88 | TAMAN SAYANG | 60 | | | |
| 89 | TAMAN SAYANG 2 | 27 | 1,317 | | |
| 90 | TAMAN SELESA | 88 | | | |
| 91 | TAMAN SELESA 2 | 53 | | | |
| 92 | TAMAN SELESA 3 | 13 | | | |
| 93 | TAMAN SELESA 4 | 22 | | | |
| 94 | TAMAN SELESA 5 | 55 | | | |
| 95 | TAMAN SELESA HARMONI | 28 | | | |
| 96 | TAMAN SETIA | 65 | | | |
| 97 | TAMAN SRI RAWANG | 19 | | | |
| 98 | TAMAN SURIA | 85 | | | |
| 99 | TAMAN SELESA HARMONI | 27 | | | |
| 100 | TAMAN SETIA 2 | 8 | | | |
| 101 | TAMAN PANTAI LAYANG | 20 | | | |
| 102 | TAMAN KASIH | 24 | | | |
| 103 | TAMAN SRI EMAS 7 | 134 | | | |
| KAWASAN SEROM | | | | | |
| 104 | RUMAH AWAM SEROM | 104 | | | |
| 105 | TAMAN CEMPAKA | 110 | | | |
| 106 | TAMAN DESA KSM | 92 | | | |
| 107 | TAMAN IMPIAN | 16 | | | |
| 108 | TAMAN INDAH SEROM | 50 | | | |
| 109 | TAMAN MEGAH SEROM | 26 | | | |
| 110 | TAMAN PANGGUNG JAYA | 13 | | | |
| 111 | TAMAN PULAI INDAH | 8 | 1,741 | | |
| 112 | TAMAN SEROM 2 | 27 | | | |
| 113 | TAMAN SEROM 3 | 15 | | | |
| 114 | TAMAN SEROM 7 | 60 | | | |
| 115 | TAMAN SEROM JAYA | 113 | | | |
| 116 | TAMAN SEROM JAYA 2 | 47 | | | |
| 117 | TAMAN SEROM JAYA 3 | 17 | | | |
| 118 | TAMAN SEROM UTAMA | 552 | | | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 119 | TAMAN SEROM UTAMA 2 | 231 | | | |
| 120 | TAMAN SEROM UTAMA 2 A | 12 | | | |
| 121 | TAMAN SEROM UTAMA 3 | 142 | | | |
| 122 | TAMAN SEROM UTAMA 4 | 43 | | | |
| 123 | TAMAN SRI PULAI | 14 | | | |
| 124 | TAMAN SRI SEROM | 49 | | | |
| KAWASAN TANGKAK | | | | | |
| 125 | BANDAR BARU TANGKAK JALAN PUTERI | 12 | | | |
| 126 | JALAN KEMAJUAN/OFF JLN PAYAMAS | 47 | | | |
| 127 | JALAN SIALANG, TAMAN EMAS | 342 | | | |
| 128 | PUSAT PERNIAGAAN PADANG LALANG | 13 | | | |
| 129 | TAMAN ALAM INDAH | 137 | | | |
| 130 | TAMAN EMAS | 19 | | | |
| 131 | TAMAN JALAN SIALANG | 18 | | | |
| 132 | TAMAN MAHKOTA 3 | 25 | | | |
| 133 | TAMAN MEGARIA 2 | 282 | | | |
| 134 | TAMAN PELANGI 4 | 232 | | | |
| 135 | TAMAN PERINDUSTRIAN | 10 | | | |
| 136 | TAMAN PERINDUSTRIAN TIARA 1 | 10 | 1,359 | | |
| 137 | TAMAN SENTOSA | 3 | | | |
| 138 | TAMAN SENTOSA 3 | 23 | | | |
| 139 | TAMAN SIALANG 3 | 35 | | | |
| 140 | TAMAN SRI NILAM | 4 | | | |
| 141 | TAMAN SRI SENTOSA | 3 | | | |
| 142 | TAMAN SRI TANGKAK | 76 | | | |
| 143 | TAMAN TANGKAK JAYA | 14 | | | |
| 144 | TAMAN TANGKAK JAYA 5 | 10 | | | |
| 145 | TAMAN TANGKAK JAYA 6 | 12 | | | |
| 146 | TAMAN TIARA FASA 4 | 25 | | | |
| 147 | TAMAN VILLA TANGKAK | 7 | | | |
| JUMLAH | | | 11,111 | | |

***NOTA PENTING :***

***PEMBIDA WAJIB MENYATAKAN DENGAN JELAS TAWARAN SPESIFIKASI BAGI SETIAP ITEM.***

***LAMPIRAN A5***

**JADUAL HARGA TAWARAN**

| | |
|---|---|
| | Harga Tawaran : RM ________________________<br><br>Tarikh penyerahan / penyempurnaan ditawarkan : ………………………………………...<br><br>*Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan |

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah ................................

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan : ______________________________

Nama : ______________________________

No. K/P : ______________________________

Jawatan : ______________________________

Cop Pembida : ______________________________
(Syarikat)

Tarikh : ______________________________

**Mustahak - Lihat Syarat-syarat Am Dan Syarat –syarat Khas  Di Belakang**

## SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. **KEADAAN PERALATAN DAN PERKAKASAN YANG BERKAITAN**

Perkakasan bagi peralatan yang dibekalkan mestilah mengikut segala kehendak dan spesifikasi yang telah ditetapkan sebagaimana yang terkandung di dalam Lampiran A4. Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. **HARGA TAWARAN**

Harga belian yang ditawarkan harga bersih termasuk semua diskaun dan kos penghantaran.

**3. TEMPOH MENGEMUKAKAN TUNTUTAN BAYARAN**

Pembekal diberi peringatan supaya mengemukakan tuntutan pembayaran yang lengkap dalam tempoh **14 hari** daripada tarikh peralatan dibekalkan dan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Spesifikasi Teknikal Sebutharga di Lampiran A4 untuk membolehkan bayaran dibuat dengan segera. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada Pembekal jika tuntutan pembayaran tidak dihantar dengan segera dalam tempoh **14 hari**.

4. **PERSETUJUAN**

i. Pihak Majlis tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan

ii. Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

5. **PEMERIKSAAN**

i. Pihak Majlis sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan peralatan yang dibekalkan semasa atau sebelum pemasangan

dibuat atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan dan pentauliahan peralatan dan perisian tersebut; dan

ii. Pembida hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

## 6. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Pembida dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## 7. PENOLAKAN

i. Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

ii. Apabila diminta, pembida hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Pihak Majlis segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

iii. Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Pihak Majlis untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## 8. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Yang Dipertua Majlis terlebih dahulu.

9. **TAFSIRAN**

Tawaran ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan pembida bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

**10. TEMPOH SAH LAKU SEBUTHARGA**

Tempoh sah laku sebutharga adalah selama **90 hari** bermula daripada tarikh sebutharga ditutup.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

12. **CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. **PEMBUNGKUSAN**

i. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

ii. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

iii. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

14. **PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

15. **MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. **PEMBUNGKUSAN**

i. Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;

ii. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

## SYARAT-SYARAT KHAS

**1. SKOP KERJA**

1.1 Pembida dikehendaki memberikan cadangan spesifikasi teknikal di atas peralatan yang dibekallkan dan perisian yang dicadangkan di dalam Lampiran A4.

1.2 Semua peralatan dan perkakasan bagi peralatan yang dibekalkan hendaklah dipasang dan dilakukan pengujian di tempat (user) oleh pihak pembekal dengan diawasi oleh Pegawai Penilaian / Penolong Pegawai Penilaian atau Pegawai Teknologi Maklumat Majlis Daerah Tangkak untuk pengesahan kesempurnaan sesuatu peralatan dan perkakasan yang dibekalkan.

2. **TEMPOH JAMINAN**

Pembida yang berjaya mestilah memberi **jaminan penuh (full warranty)** untuk setiap peralatan dan perkakasan yang dibekalkan dan diberikan tempoh jaminan samada di pihak Vendor atau jaminan pembekal sendiri.

3. **LATIHAN**

Pembida yang berjaya mestilah menyediakan latihan kepada kakitangan Majlis Daerah Tangkak di dalam penggunaan aplikasi yang disediakan/ di bangunkan.

Kementerian Kewangan Malaysia

***Lampiran A6***

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PERUNDINGAN PENILAIAN AM SEMULA TAHUN 2020 BAGI PEGANGAN BERCUKAI DI KAWASAN MAJLIS DAERAH TANGKAK (MDT 3 – 21/01).**

Saya ............................................................ No. K.P ........................................... yang
**(Nama WakilSyarikat)**
mewakili .................................................................... nombor Pendaftaran
**(Nama Syarikat)**
........................................................... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
**(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)**
mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah
**(Nama Kementerian/Agensi)**
kepada mana-mana individu dalam ......................................................... atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam ...................................................... atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk
(Nama Kementerian/Agensi)
dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:-

2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau

2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan

2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

...................................................

**(Nama dan No. KP)**

( )

Cop Syarikat :

Catatan : i. Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

*Lampiran B*

**KETERANGAN MENGENAI PEMBIDA**

5. Nama Pembida :

_______________________________________________

( Syarikat )

6. Alamat Pembida

2.1 Ibu Pejabat :

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

2.2 Cawangan :

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

7. No. Telefon Pembida

3.1 Ibu Pejabat :

_______________________________________________

3.1 Cawangan :

_______________________________________________

8. Pendaftaran Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia ( SSM )

4.1 Tempoh Pendaftaran ( sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran )

Mulai :

____________________________________________

Hingga :

____________________________________________

4.2 Taraf Pembida : Terbuka

9. Modal Berbayar Syarikat : ( Isi mana yang berkenaan )

5.1 Perseorangan/Perkongsian : RM __________________________

5.2 Sendirian Berhad/Berhad : RM __________________________

a. Modal Dibenar : RM __________________________

b. Modal Dibayar : RM __________________________

10. Butiran Pemilikan ( Ownership )

6.1 Perseorangan :

Nama Pemilik : ____________________________________________

No. K/P : ____________________________________________

6.2 Perkongsian :

| **Nama Pekongsi** | **No. Kad Pengenalan** | **Peratus Perkongsian** |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

*( Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi )*

6.3 Sendirian Berhad/Berhad :

| Nama Pemegang Saham | No. Kad Pengenalan | Peratus Bahagian |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

*( Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi )*

6.4 Ahli Lembaga Pengarah :

| Nama | No. Kad Pengenalan |
|---|---|
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |

*( Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi )*

7. Komposisi Pekerja :

| Kumpulan | Bumiputera | Bukan Bumiputera | Jumlah |
|---|---|---|---|
| a. Pengurusan | ____________ | ____________________ | ___________________ |
| b. Eksekutif | ____________ | ____________________ | ___________________ |
| c. Operasi | ___________ | ___________________ | ____________________ |

Pengakuan : (Ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa dan bertanggungjawab dalam urusan sebutharga ini )

Tandatangan : ____________________________________________

Nama : ____________________________________________

No. K/P : ____________________________________________

Jawatan : ____________________________________________

Cop Pembida (Syarikat) : ____________________________________________

Tarikh : ____________________________________________

*Lampiran B1*

## SENARAI PERKHIDMATAN/ PERBEKALAN YANG TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN

| Bil. | Nama Projek/ Perkhidmatan | Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Agensi | Harga Kontrak ( RM) | Tempoh Kontrak | | Nama/No. Telefon Pegawai Jabatan Yang Bertanggungjawab |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Mula | Tamat | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |

*( Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi )*

Tandatangan : ____________________________________________

Nama : ____________________________________________

No. K/P : ____________________________________________

Jawatan : ____________________________________________

Cop Rasmi Syarikat : ____________________________________________